

1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab



Al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili dan kitabnya

yang telah heboh diperkatakan di dalam akhbar

(2)

Bagi menjawab pertanyaan saudara Saleh bin Muhammad Ali, Seremban, yang telah bertanya dalam bilangan yang lalu tentang kandungan kitab (*((Beberapa Mutiara yang Bagus lagi Indah))* karangan *Faḍīlah Al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili*, guru di Masjid al-Ḥarām Makkah al-Mukarramah, kita sajikan di sini dua masalah yang telah dihuraikannya dalam kitabnya itu seperti berikut:

Islam: Ialah Agama dan juga Pemerintahan Negara!

Tatkala menjawab satu pertanyaan yang berbunyi: “Adakah Islam itu agama sahaja, atau ia agama dan kedaulatan (pemerintahan negara)?” beliau berkata:

Bermula Islam itu (ialah) simpulan iman yang sebenar dan ibadah-ibadah yang membersihkan hati. Ia juga perangai yang baik-baik dan undang-undang pergaulan (undang-undang maSharakat) yang sempurna, yang mendatangkan bagi manusia akan tuah dunia dan akhirat selama mereka berpegang dengan dia. Islam bukan agama sahaja, bahkan Islam itu ialah agama dan kedaulatan, masjid dan maSharakat, perjuangan dan pemerintahan, Qur'an dan pedang, ibadah

dan tolong menolong, dunia dan akhirat, dengan dalil

firman Allah Ta‘ālā:

Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū irka ‘ū wasjudū wa ‘budū rabbakum waf ‘alū al-khayra la ‘allakum tuflīḥūn. Wa jāhidū fī Allāhi haqqā jihādihī huwajtabākum wa mā ja‘ala ‘alaykum fī al-dīni min ḥarajin millata abīkum ibrāhīma huwa sammākumu al-muslimīna min qablu wa fī hādhā li yakūna al-rasūlu shahīdan ‘alaykum wa takūnū shuhadā’ā ‘alā al-nāsi fa aqīmū al-ṣalāta wa atū al-zakāta wa ‘taṣimū bi Allāhi huwa mawlākum fā ni‘ma al-mawlā wa ni‘ma al-naṣīr. (77, 78, Sūrah al-Hajj)

Ertinya: “Wahai sekalian orang yang beriman!

Rukuk dan sujud oleh kamu dan kerjakan oleh kamu akan segala ibadah kerana tuhan kamu, dan perbuatlah oleh kamu akan kebajikan, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan. Dan berjuanglah kamu kerana meninggikan agama Allah Ta‘ālā dengan sebenar-benar berjuang, ia telah memilih kamu daripada sekalian makhluk, dan tidak ia menjadikan atas kamu kesempitan pada pekerjaan agama, iaitu agama bapa kamu Ibrāhīm ‘alayhi al-Salām. Allah Ta‘ālā telah menamakan kamu Muslimin sebelum Qur'an ini di dalam kitab nabi-nabi yang dahulu dan di dalam Qur'an ini, supaya Rasulullah (ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam) jadi saksi atas kamu dan supaya kamu jadi saksi atas umat-umat manusia, maka dirikanlah sembahyang, dan berikanlah zakat, dan berpeganglah kamu dengan Allah Ta‘ālā, Ia juga yang memelihara kamu, bahkan Dialah sebaik-baik yang memelihara dan sebaik-baik yang menolong.”

Menceritakan Agama daripada Pemerintahan Negara

Tatkala menjawab satu pertanyaan lagi yang berbunyi:

“Apa hukum menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara)?” *Faḍīlah Al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili* berkata:

Hukum menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara – P) itu haram dengan ijmak, tiada seorang pun daripada alim ulama Islam yang menghalalkannya.

Berkata Al-Shaykh Muṇīr Luḍfī: Orang yang menghalalkan perbuatan menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara – P.) samalah seperti menghalalkan riba, dan dengan itu menjadilah ia murtad.

Al-Shaykh Muhammad Zāhid al-Kawtharī pula berkata: Sesungguhnya segala *naṣ* Qur'an dan hadith menjadi dalil tentang bahawa agama Islam itu meliputi kebijakan dunia dan kebijakan akhirat, dan bahawa segala hukum keduanya (Qur'an dan hadith) menjadi pertunjuk yang terang benderang, yang tiada syak padanya. Maka perbuatan menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara – P.) ialah kufur. Kemudian al-Shaykh al-Kawtharī berkata lagi: Maka tiada sah berkahwin dengan dia (dengan orang yang menceraikan agama daripada pemerintahan negara), dan tiada halal sembelihannya, kerana orang itu bukan daripada orang Islam dan bukan pula daripada Ahli Kitab (*Kāfir Kitābī*).

Setelah mengemukakan huraiyan alim ulama yang tersebut di atas, *Faḍīlah Al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili* berkata lagi:

Menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara) itu haram kerana beberapa sebab:

(1) Kerana Islam dan kedaulatan (pemerintahan negara) itu sentiasa bersatu (tiada bercerai), semenjak daripada

diturunkan agama Islam itu kepada Junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* hingga kepada zaman al-Khulafā' al-Rāshidīn, dan hingga kepada zaman yang terkemudian dengan ((*Ijmā’ Fi ‘lī*)) (ijmak secara amalan), dan tidak diceraikan daripada kedaulatan (pemerintahan negara) melainkan pada masa yang akhir ini (masa penjajah).

(2) Kerana mereka yang menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara – P.) itu dihitung akan dia dari golongan yang tiada beriman. Firman Allah Ta‘ālā: “*Falā wa rabbika lā yu’mīnūna hattā yuhakkimūka fī mā shajara baynahum*”. Ertinya: “Maka demi Tuhan engkau tiada beriman mereka itu hingga mereka menjadikan engkau (wahai Rasulullah) menghukum pada perkara yang bersalah-salahan antara mereka.”

(3) Kerana tidak dapat dijalankan hukum-hukum agama apabila agama itu bercerai dengan kedaulatan (pemerintahan negara). Berkata *Hujjah al-Islām al-Ghazālī rahimahu Allahu Ta‘ālā*: “*Inna al-Shari‘atu aṣal, wa al-malikun ḥāris, wa mā lā aṣal lahu famahdūm, wa mālā ḥāris lahu faḍā‘i*.” Ertinya: Bahwasanya syariah (agama) itu ialah asal (dasar), dan kerajaanlah yang mengawalnya. Dan barang yang tiada dasar baginya maka runtuuhlah ia, dan barang yang tiada pengawalnya maka hilang dan sia-sialah ia.”

(4) Kerana orang yang menceraikan agama daripada kedaulatan banyak melakukan anjaya yang tiada berkesudahan (kerana ia tidak dapat menyempurnakan hak-hak yang telah ditetapkan oleh Islam), misalnya mengenai hukum ((*Qisāṣ*)), melainkan jika bersatu padu Islam dengan kedaulatan (pemerintahan negara – P.) Dalilnya firman Allah Ta‘ālā:

“*Wa man lam yaḥkum bi mā anzala Allahu fa ulāika humu*

al-żālimūn". (*al-Mā' idah*, 46)¹

Ertinya: "Dan barangsiapa tiada menghukum dengan barang yang diturunkan oleh Allah Ta 'ālā, maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim."

"*Wa man lam yaḥkum bi mā anzala allahu fa ulāika humu al-fāsiqūn.*" (*al-Mā' idah*, 47)

Ertinya: "Dan barangsiapa tiada menghukum dengan barang yang diturunkan oleh Allah Ta 'ālā, maka mereka itu ialah orang-orang yang fasik."

"*Wa man lam yaḥkum bi mā anzala allahu fa ulāika humu al-Kāfirūn.*" (*al-Mā' idah*, 44)

Ertinya: "Dan barangsiapa tiada menghukum dengan barang yang diturunkan oleh Allah Ta 'ālā, maka mereka itu ialah orang-orang yang kafir."

Tiada syak bahawa orang-orang yang menceraikan agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara – P) itu menghukum dengan yang lain daripada hukum yang diturunkan oleh Allah Ta 'ālā, bahkan mereka berhukum dengan undang-undang ciptaan manusia, dan yang ghalibnya ialah undang-undang bangsa Kafir, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Mustafa Kamal, yang menggantikan undang-undang Turki Islam dengan undang-undang negeri Switzerland (Kafir).

Al-Baydawī berkata di dalam tafsirnya: "*Fa kafarahum li inkārihi, wa ẓulamahum bi al-hukma 'alā khilāfah, wa fasasqahum bi al-khurūji 'anh.*"

Ertinya: "Maka kufur mereka yang tersebut ialah kerana ingkar akan dia, dan kezaliman mereka ialah kerana berhukum dengan hukum yang menyalahinya (yang menyalahi hukum Islam), dan fasiknya mereka ialah kerana mereka keluar daripadanya."

Berkata aku (Al-Shaykh al-Mandili – P.) apabila ada padanya ((zalim)) (kezaliman) maka tiada syak bahwasanya menghalalkan kezaliman itu menyebabkan menjadi murtad. *Wa al-‘iyādhū bi Allāhi Ta ‘ālā.*

Al-Saddi berkata: "*Man khālafa hukmu Allahu wa tarkahu ‘āmidan wa tajāwazzahu wa huwa yu‘limu fā huwa min al-Kāfirīnā haqqan, wa yahmīlu hadhā ‘alā al-juhūd fa huwa al-Kufru ḥuddu al-īmān, kamā qāla Ibn ‘Abbās radīyya allahu ‘anhūmā.*" (*Tafsīr al-Bahr*, oleh Abu Hayyān, juzuk yang ketiga, muka 493).

Ertinya: Barangsiapa menyalahi akan hukum Allah, dan meninggalkan dia dengan sengaja, dan melampaui akan dia pada ketika ia mengetahui, maka ia setengah daripada orang-orang yang kafir, sebenar-benar kufur, dan ditanggungkan ini atas ingkar, maka itu ialah kufur lawan iman,

BUKU2 RUMI

* Pendidikan	\$1.20
* Akhlak	1.20
* Surat Menyurat	1.50
* Jalan ka-Kota Baharu	1.50
Penglipor	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil	0.70
Balek Dari Medan Pererangan	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang				2.00
Keris Sempena Riau.	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50
Sisa Neraka Dunia	1.00

Buku A. BC. (buku bacaan) di-dalamnya

tiga warna

***Kalaupun memesan hendaklah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.**

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

¹ Kesalahan pada teks. Ayat yang sebenarnya ialah ayat 45, *al-Mā' idah*.

sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn ‘Abbās *raḍīyya allahu ‘anhu* ‘anhumā.’”

Misalnya seperti ingkar ia akan wajib berdaulat

(menjalankan pemerintahan negara – P.) dengan kedaulatan

(hukum) Islam, dan menghalalkan perbuatan menceraikan

agama daripada kedaulatan (pemerintahan negara).

(5) Kerana ada pada (perbuatan) menceraikan agama

daripada pemerintahan negara itu beriman dengan setengah Qur'an

seperti ayat-ayat sembahyang, dan kufur dengan setengahnya yang

lain seperti ayat-ayat (*(Qisās dan Hudūd)*) (hukum

balasan bunuh dan hukum-hukum yang dikenakan kepada orang-orang yang

mencuri, berzina, minum arak dan sebagainya – P.)

Firman Allah Ta‘ālā: *Afatu ‘minūna biba ‘di al-kitābi*

wa takfurūna biba ‘di.” Ertinya: “Maka adakah patut kamu

beriman dengan setengah kitab dan kufur pula dengan

setengahnya yang lain?”

(6) Kerana ada pada (perbuatan) menceraikan agama

daripada pemerintahan negara itu masuk Islam separuh

Sudahkah Tuan membaca:

Surat Menyurat

Disusun oleh Edrus – mengandungi

hal ehwal pejabat surat dengan contohnya

yaitu selain daripada mengandungi hal ehwal

yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli

agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-pertama buku mengenai surat

menyurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi

yang lengkap kandungannya.

Senaskhah \$1.80

Post 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah Jawi.

sahaja, tidak masuk Islam pada keseluruhannya. Pada

hal Allah Ta‘ālā telah berfirman di dalam *al-Qur’ān al-Karīm*.

“*Udkhulū fī al-Silmi kāffah.*”

Ertinya: “Masuklah oleh kamu ke dalam agama Islam

seluruhnya.” (pada ibadah, *mu‘amalat*, siyahah, *munakahat*,

jināyāt dan lain-lainnya).

(7) Kerana menceraikan agama daripada pemerintahan

negara ialah faham Kristian (Naṣāra). Orang-orang

Kristian pernah berkata: “Pekerjaan agama itu

ketentuan bagi Nabi Isa, adapun pekerjaan memerintah

dan siyahah ialah ketentuan bagi Kaisar (Raja Rom).”

Akhirnya, *Faḍīlah al-Shaykh Abdul Qadir al-Mandili*

menutup huraianya dalam masalah ini dengan berkata:

Ketua-ketua kita yang berpelajaran Barat (Eropah) telah

kemasukan fahaman ini ke dalam otak mereka, hingga

otak mereka sudah dijahah oleh orang-orang Barat.

Tetapi ini tidaklah menghairankan, kerana mereka tiada

belajar akan pelajaran Islam.

Hanya yang sangat menghairankan, kata beliau lagi,

ialah setengah daripada guru-guru agama kita telah tertarik kepada

fahaman ini, bahkan yang lebih menyediakan hati, banyak

pula guru-guru kita jadi kakitangan mereka, dan

menolong mereka mengabui rakyat jelata. Manakala setengahnya

yang lain diam membeku, tiada masuk ke dalam parti

mana-mana, dan tidak pula menyokong akan yang hak. Maka

mereka ialah syaitan yang bisu.

Fa lā ḥawla. wa lā quwwata illā bi allāhi al-‘Alīyyu al-‘Aṣīm. Innā lillahi

wa innā ilayhi rāji‘ūn.

(Demikian pati huraian, *Faḍīlah al-Shaykh Abdul Qadir*

al-Mandili, mengenai masalah-masalah itu).